

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10073

SOALAN :

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan keselamatan di
sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan langkah-langkah yang
dilaksanakan bagi meningkatkan jaminan keselamatan khususnya di
pintu-pintu masuk ke negara ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, terdapat 3 jenis pintu masuk ke negara kita. Pertama melalui jalan darat dengan menaiki kenderaan di pintu masuk negara seperti Kompleks Imigresen atau Kastam. Yang kedua melalui jalan laut dengan menaiki feri, bot atau kapal-kapal perdagangan ke pintu masuk negara seperti di pelabuhan-pelabuhan. Yang ketiga melalui jalan udara ke pintu masuk negara seperti di lapangan-lapangan terbang antarabangsa. Selain itu, pelbagai agensi Kerajaan telah diletakkan di semua pintu masuk utama negara Malaysia - Thailand (sama ada di ICQ atau CIQ). Kesemua pintu masuk utama ke negara ini dikawal oleh agensi-agensi berkenaan dengan menguatkuasakan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Bagi kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk negara di sempadan, ia dikawal secara bersama melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di antara Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) dan juga Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) di kawasan-kawasan yang telah dipersetujui bersama sepanjang sempadan darat Malaysia - Thailand.

Selain itu, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang telah ditubuhkan pada tahun 2015 melalui hasil naik taraf Unit

Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan negara di sempadan darat dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Sebagai makluman, AKSEM pada tahun 2016 telah berjaya merampas pelbagai barangan dengan nilai keseluruhan RM38.63 juta melalui 19,169 bilangan operasi yang pelbagai.

Bermula pada tahun ini, setiap AKSEM negeri telah melaksanakan operasi secara NBOS yang disertai oleh agensi-agensi penguatkuasaan lain di sempadan darat negara dengan kekerapan dua kali seminggu. Pada masa yang sama, satu pasukan khas diketuai oleh Komander AKSEM Negeri Perlis telah dibentuk bagi memfokuskan operasi di kawasan ICQ Padang Besar dalam usaha membendung jenayah rentas sempadan dan mengawal keselamatan sempadan negara.

Selain itu, Rang Undang-undang AKSEM 2017 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 9 Ogos 2017 akan memperkukuhkan lagi organisasi AKSEM dan memperluaskan skop dalam memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan. Dengan berkuat kuasanya Akta AKSEM 2017, ia akan membuka ruang kepada AKSEM untuk bergerak lebih proaktif dan kompetitif. Akta ini juga membolehkan perluasan operasi AKSEM ke sempadan darat negara di Sabah dan Sarawak secara berfasa menjelang tahun 2020 selaras

dengan usaha Kerajaan meningkatkan kawalan sempadan darat negara secara keseluruhannya.